



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 196

AKTA AMANAH (KOMPETENSI BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1949

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYA TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Trusts (State Legislatures Competency) Act 1949. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

**AKTA AMANAH (KOMPETENSI BADAN
PERUNDANGAN NEGERI) 1949**

Pertama kali diperbuat	1949 (Ord. No. 25 tahun 1949)
Disemak	1977 (Akta 196 m.b.p. 1 Disember 1977)

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 2001

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 196****AKTA AMANAH (KOMPETENSI BADAN
PERUNDANGAN NEGERI) 1949**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
3. Badan Perundangan Negeri diberi kuasa untuk meluluskan undang-undang yang mengadakan peruntukan bagi penubuhan amanah
4. Meminda undang-undang yang sedia ada
5. Pengiktirafan amanah di seluruh Semenanjung Malaysia
6. Kecualian

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 196

AKTA AMANAH (KOMPETENSI BADAN PERUNDANGAN NEGERI) 1949

Suatu Akta untuk memberikan kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk meluluskan undang-undang yang mengadakan peruntukan bagi penubuhan amanah.

[30 Ogos 1949]

Tajuk ringkas

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Amanah (Kompetensi Badan Perundangan Negeri) 1949.

(2) Akta ini hendaklah terpakai hanya di Semenanjung Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“sedia ada” ertinya sedia ada pada permulaan kuat kuasa Akta ini.

*“Semenanjung Malaysia” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 & 1967 [*Akta 388*], dan termasuklah Wilayah Persekutuan.

Badan Perundangan Negeri diberi kuasa untuk meluluskan undang-undang yang mengadakan peruntukan bagi penubuhan amanah

3. (1) Badan Perundangan Negeri berwajib untuk meluluskan undang-undang yang mengadakan peruntukan, berhubung dengan apa-apa perkara atau hal yang dinyatakan dalam Jadual, bagi

**CATATAN*—Semua sebutan mengenai “Malaysia Barat” hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai “Semenanjung Malaysia”—lihat Akta Tafsiran (Pindaan) 1997 [*Akta A996*], subseksyen 5(2).

penubuhan apa-apa amanah tertentu dan pelantikan pemegang-pemegang amanah berkenaan dengannya, dan bagi apa-apa hal lain yang bersampingan atau berbangkit berhubung dengannya sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Badan Perundangan itu, dan dari semasa ke semasa untuk meminda atau memansuhkan mana-mana undang-undang itu.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, dengan perintah, menambah atau meminda Jadual.

Meminda undang-undang yang sedia ada

4. Jika mana-mana Enakmen Negeri yang sedia ada mengadakan peruntukan, berhubung dengan apa-apa perkara atau hal yang dinyatakan dalam Jadual, bagi penubuhan apa-apa amanah tertentu, maka Badan Perundangan Negeri berwajib untuk meminda atau memansuhkan Enakmen itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pengiktirafan amanah di seluruh Semenanjung Malaysia

5. Apa-apa amanah yang ditubuhkan dengan sempurna oleh atau di bawah suatu undang-undang Negeri, sama ada diluluskan sebelum atau selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah, selagi undang-undang Negeri itu masih berkuat kuasa, diiktiraf dengan sewajarnya sebagai demikian di seluruh Semenanjung Malaysia.

Kecualian

6. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh hak dan kuasa Parlimen untuk meluluskan apa-apa undang-undang yang difikirkannya patut berhubung dengan amanah dan pemegang amanah.

JADUAL

[Seksyen 3]

Amanah Agama Islam
Basiswa Negeri
Endowmen Pendidikan Negeri
Khairat dan Institusi Khairat
Taman Negeri
Kemajuan Kawasan Bandar
Amanah Warisan Negeri

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 196****AKTA AMANAH (KOMPETENSI BADAN
PERUNDANGAN NEGERI) 1949**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
L.N. 610/1951	Perintah Amanah (Kompetensi Badan Perundangan Negeri dan Selat) 1951	01-11-1951
P.U. (A) 404/1990	Perintah Amanah (Kompetensi Badan Perundangan Negeri) (Pindaan Jadual) 1990	23-11-1990

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 196****AKTA AMANAH (KOMPETENSI BADAN
PERUNDANGAN NEGERI) 1949****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual	L.N. 610/1951 P.U. (A) 404/1990	01-11-1951 23-11-1990
